

**SOALAN LAZIM**  
**UNIT AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN (ADP)**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**1. Mengapakah isu Audit sering berulang?**

Isu Audit didapati berulang berikutan tindakan penambahbaikan sering kali diambil oleh pihak Jabatan terhadap sampel Audit yang dikuihi sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab pihak Bahagian/Jabatan untuk memastikan tindakan penambahbaikan diambil secara menyeluruh dan tidak terhad kepada sampel yang ditegur Audit sahaja. Ini kerana pihak Audit melaksanakan pengauditan hanya terhadap sampel terpilih. Selain itu, pihak Jabatan perlu lebih tegas dalam mengambil tindakan terhadap pegawai bertanggungjawab yang diadapati cuai agar ia tidak berulang dan menjadi pengajaran kepada pegawai yang lain.

**2. Apakah jenis pengauditan yang dilaksanakan Unit Audit Dalam Perbendaharaan (ADP)?**

ADP bertanggungjawab menjalankan pengauditan pematuhan dan prestasi. Pengauditan pematuhan merangkumi pengauditan kewangan dan pengurusan kewangan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menilai sama ada hasil, perbelanjaan, aset dan stor, pelaburan pinjaman serta kumpulan wang/akaun amanah telah diuruskan mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Pengauditan prestasi (termasuk pengauditan aktiviti ICT) pula merangkumi penilaian terhadap program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi MoF untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber telah digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan serta *value for money*.

**3. Bagaimanakah pengauditan dilaksanakan oleh Bahagian Audit Dalam Perbendaharaan (ADP) di Kementerian Kewangan?**

ADP memantau isu yang dilaporkan dalam LKAN melalui mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) peringkat MoF yang dipengerusikan oleh KSP setiap suku tahun. Isu Audit utama dibentang, dibincang dan dimitikan dalam mesyuarat JKA. Semua isu yang belum diselesaikan/ditutup akan disusuli dalam mesyuarat JKA sehinggalah ia diselesaikan.

**4. Apakah hubung kait antara Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian dan Jabatan Audit Negara (JAN)?**

Pada asasnya, peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah berbeza daripada Jabatan Audit Negara yang berfungsi selaku pihak audit luar. Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan dalam undang-undang manakala kuasa dan tanggungjawab Unit Audit Dalam dinyatakan secara pentadbiran. Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

**5. Apakah bidang kuasa Audit Dalam Perbendaharaan di Kementerian Kewangan?**

Bidang kuasa ADP meliputi semua Bahagian/Unit di dalam Perbendaharaan Malaysia serta Jabatan dan Agensi di bawah seliaan Kementerian Kewangan yang menerima geran tahunan dan/atau tidak mempunyai Unit Audit Dalam sendiri.